

## Mangsa penipuan pakej haji perlu segera lapor polis

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Julai 20, 2022 @ 4:38pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Hampir 400 bakal jemaah haji terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 7 Julai lalu. - Foto Facebook

KUALA LUMPUR: Polis menggesa mangsa penipuan pakej haji **furada** sehingga terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini, segera tampil membuat laporan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim, berkata pihaknya sudah menerima 47 laporan polis berhubung kes itu membabitkan kerugian RM2.01 juta.

"Kesemua 47 laporan polis itu membabitkan penipuan haji oleh dua ejen pelancongan yang beroperasi di Danau Kota, Setapak.

"Kita menggesa orang ramai yang menjadi mangsa penipuan ejen terbabit untuk tampil membuat laporan polis dengan segera," katanya.

Azmi berkata setakat ini, lima individu terdiri daripada dua lelaki dan tiga wanita warga tempatan berusia lingkungan 28 hingga 51 tahun sudah ditahan kerana dipercayai dapat membantu siasatan kes in.

"Kesemua mereka direman tiga hari mulai 14 hingga 16 Julai lalu dan setelah tempoh reman tamat, kesemua suspek diserahkan kepada Polis Johor untuk menyambung siasatan kes yang diaporkan di negeri itu pula.

"Di pihak Polis Kuala Lumpur, beberapa tindakan sedang diambil bagi melengkapkan siasatan kes ini sebelum dirujuk ke Pejabat Peguam Negara, untuk mendapatkan keputusan tindakan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, beliau memohon orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes ini boleh menyaluarkannya menerusi Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-2159999 atau mana-mana balai polis berhampiran.